

D929

U 5811 AAB

MAHATHIR - KEDUDUKAN (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAH INI)

I

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA MENDUDUKI TEMPAT KELIMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI DUNIA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

+HANYA EMPAT DARIPADA LEBIH 130 BUAH NEGARA MEMBANGUN DI SELURUH DUNIA BERADA DI HADAPAN KITA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM KELAB HARVARD MALAYSIA, DI SINI. TAJUK UCAPANNYA IALAH +SELEPAS 1990 - DASAR EKONOMI MALAYSIA+.

+EKONOMI MALAYSIA KINI SEDAN6 MENINGKAT. RAMAI PELABUR DATANG KE SINI. WALAUPUN PARA PELABUR TEMPATAN, YANG MERUNGUT SEPANJANG MASA TERHADAP KETIDAK ADILAN DASAR EKONOMI BARU (DEB), MELABUR LEBIH BANYAK DAN HENDAPAT KEUNTUNGAN BERJUTA-JUTA RINGGIT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA,+PENIAGA KECIL+ JUGA TURUT MEMBUAT KEUNTUNGAN.

+JUMLAH RESTORAN, SAMA ADA BESAR ATAU KECIL, TELAH MENINGKAT DAN MEMPUNYAI RAMAI PENGUNJUNG,+ KATANYA. -- LAGI

2018MST 22 08 90

D934

U B 8 1 4 AAB

MAHATHIR - KEDUDUKAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA, BUKAN SAHAJA KERETA-KERETA PERSENDIRIAN MEMBANJIRI JALAN RAYA TETAPI BUTIK-BUTIK MEWAH JUGA DIBUKA DENGAN BANYAKNYA.

LEBIH RAMAI RAKYAT MALAYSIA MELANCONG KE SELURUH DUNIA MANAKALA INDUSTRI PELANCONGAN DALAM NEGERI MENJADI PERNIAGAAN YANG BESAR.

BELIAU BERKATA: +HAKIKATNYA DEB TIDAK MENYEKAT PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

+NEGARA-NEGARA YANG TIDAK MEMPUNYAI DEB TIDAK MENCAPAI APA YANG DICAPAI OLEH MALAYSIA. NEGARA-NEGARA, YANG PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA SATU BANGSA JUGA TIDAK LEBIH BAIK DARIPADA MALAYSIA, YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MERUJUK KEPADA SEBUAH ARTIKEL BERTAJUK +A WORKING RACIAL BIAS+, YANG DITULIS OLEH JAY BRANEGAN DALAM MAJALAH +TIME+ BARU-BARU INI, SEBUAH JURNAL, YANG MENURUTNYA, SEHEMANGNYA TIDAK BEGITU MENYUKAI MALAYSIA.

+NAMPAKNYA, PENYELIA PERLAKUAN MORAL ANTARABANGSA MENGAKUI BAHAWA DEB MALAYSIA BERJAYA.

+DENGAN KADAR PERTUHUHAN LEBIH DARIPADA 8 PERATUS, KESETABILAN SELAMA 20 TAHUN DAN KEMAKMURAN RAKYAT BERBILANG KAUM, TIDAK RAMAI PENGKRITIK YANG BOLEH BERKATA SEBALIKNYA, ITUPUN JIKA MEREKA SANGGUP MENGHADAPI KENYATAAN,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

2027MST 22 08 90